

22 FEB 2003

NAM-Rangkuman/I

ISU IRAQ DAN PENYUBURAN NAM MENDOMINASI MESYUARAT

Oleh: Neville D'Cruz

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Selepas perbincangan sengit, menteri-menteri luar Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini mencapai konsensus dalam pelbagai isu, daripada penyuburan pergerakan berusia 47 tahun itu sehingga kepada topik antarabangsa terutama mengenai Iraq.

Krisis Iraq dan kaedah menyuburkan NAM agar menjadi pergerakan dinamik yang dapat memperjuangkan negara-negara lemah dengan lebih berkesan mendominasi mesyuarat sehari itu.

Langkah juga sedang diatur bagi menguatkan kedudukan pengerusi NAM menerusi mekanisma khas yang membolehkan pengerusi menjalankan tugas dan berfungsi dengan lebih efisien.

Satu lagi inisiatif adalah untuk meningkatkan biro penyelaras NAM di New York supaya dapat bersemuka dengan pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seperti di Vienna, Geneva dan Nairobi.

"Antara cadangan termasuk menggunakan sistem Troika bagi membantu pengerusi melaksanakan tanggungjawab NAM dan mekanisma itu membabitkan pengerusi lepas," kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada media.

Troika itu akan mengandungi Afrika (pengerusi lepas), Malaysia (bakal pengerusi) dan Cuba, tuan rumah akan datang.

Seperti dijangkakan, isu Iraq dan ancaman serangan Amerika Syarikat menjadi tumpuan utama perbincangan panjang lebar hari ini.

Selepas mesyuarat, Syed Hamid memberitahu media, draf pernyataan mengenai Iraq telah disiapkan untuk dipersetujui pada perjumpaan ketua-ketua negara dan kerajaan NAM Isnin dan Selasa ini.

Para menteri luar NAM bersepakat agar PBB mengambilalih sepenuhnya usaha menamatkan krisis itu demi mencapai keamanan di Timur Tengah.

Menteri Luar Afrika Selatan Nkosazana Clarince Dlamini pada mesyuarat itu berkata PBB patut menjadi kuasa tunggal menyelesaikan krisis itu tetapi Baghdad perlu memainkan peranannya dengan mematuhi sepenuhnya Resolusi 1441 dengan membenarkan pasukan pemeriksa senjata PBB menjalankan tugas tanpa sekatan.

Menteri Luar Iraq Dr Naji Sabri berkata minyak merupakan antara opsyen yang berada di tangan negara-negara membangun bagi menyerang balas pencabulan kedaulatan mereka oleh kuasa luar.

Katanya, jika AS boleh menggunakan makanan dan perubatan untuk menghukum negara yang menentang Washington, maka negara-negara yang menjadi mangsa boleh menggunakan kaedah serupa untuk menentang dasar yang mencengkam hak kebebasan dan maruah mereka.

Menteri Luar Timor Leste Jose Ramos Horta pula membidas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan kerana tidak berusaha berhabis-habisan untuk mengelakkan peperangan di Iraq.

Beliau berkata Annan seharusnya menggunakan kesemua daya usahanya memandangkan beliau tidak memainkan peranan yang aktif dalam krisis Iraq sekarang seperti dalam konflik antarabangsa yang lain.

Semasa merasmikan mesyuarat itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata NAM bertanggungjawab mengubah orde dunia bagi memastikan kesinambungan keutamaan proses multilateral dalam hal ehwal negara-negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata proses unilateral adalah tidak baik kepada kepentingan NAM, iaitu perkumpulan kedua terbesar selepas Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Ia (proses unilateral) perlu ditentang dengan kuat supaya kita tidak dipinggirkan dan matlamat kita untuk mewujudkan dunia yang lebih adil dan selamat tidak kesampaian," katanya.

Beliau berkata dalam dunia unipolar, NAM perlu terus mengekalkan kebebasannya dalam hal ehwal global dan perlu meneruskan keamanan dan kestabilan dalam orde antarabangsa, dan bersuara untuk menentang peperangan, keganasan dan kekejaman.

Isu kekejaman Israel terhadap Palestin turut mendapat perhatian apabila Datuk Bandar Jenin Walid Musa Abu Mowes menggesa NAM mendesak Israel supaya berundur daripada wilayah yang didudukinya di Palestin.

Bercakap kepada sidang media selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau mahu masyarakat antarabangsa membantu menghentikan pembunuhan beramai-ramai penduduk Palestin oleh tentera Israel dan memastikan semua resolusi PBB yang diluluskan sebelum ini, dikuatkuasakan.

Beliau berkata bandar raya itu telah menyaksikan terlalu banyak pembunuhan, terutama kanak-kanak serta wanita akibat dicerobohi setiap hari oleh tentera Israel.

Sementara itu, Presiden Palestin Yasser Arafat telah menyediakan perutusan penghargaan kepada Dr Mahathir yang akan dibacakan pada Mesyuarat Ketua-ketua Negara atau Kerajaan NAM sekiranya beliau tidak dapat hadir.

Beliau sedang cuba mendapatkan jaminan daripada Israel bahawa beliau akan dibenarkan kembali semula ke tanah air sekiranya beliau menghadiri Sidang Kemuncak itu.

Dalam isu-isu lain pada hari ini, India menyatakan yang ia membantah isu-isu dua hala dibangkitkan pada Sidang Kemuncak itu kerana adalah penting bahawa NAM mempamerkan semangat bersatu di mata dunia.

"Kami (NAM) akan berusaha bagi penyuburan. Jadi perkara pertama yang kita tidak patut menjejaskan penyuburan itu dengan membahaskan isu-isu dua hala," kata Setiausaha Kementerian Luar India Kanwal Sibal, semasa menjawab soalan mengenai prospek Pakistan membangkitkan isu Kashmir pada NAM.

-- BERNAMA
NDC MFJ RHM